

Buletin

e-ISSN: 2600-8289

ACIS

Syaaban - Ramadhan 1444/ Mac 2023



Ramadhan : Bulan Al-Quran

Madrasah Sufi
dalam Ramadhan **4**

Ramadhan Bukan Bulan
Pesta Makanan **11**

Jaga Lidah Supaya
Pahala Puasa Tidak
Berkurangan **10**

Maqasid Ramadhan:
Hikmah Pensyariatan **7**

Nota Kaki:
Syarat-syarat, Rukun dan Perkara
yang Membatalkan Puasa **8**

eISSN 2600-8289



Jaga **LIDAH** supaya pahala puasa tidak berkurangan



Oleh:

Dr. Mohd. Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Puasa adalah satu ibadah yang difardukan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan umat baginda. Kefarduan ini dinyatakan secara jelas oleh Allah SWT melalui wahyuNya di dalam surah al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud *“wahai orang-orang yang beriman, difardukan ke atas kamu berpuasa, sepertimana yang telah difardukan ke atas umat terdahulu daripada kamu, semoga kamu bertakwa”*

Terdapat banyak kelebihan yang akan dikurniakan oleh Allah kepada mereka yang berpuasa. Abu Hurairah RA ada meriwayatkan satu hadith daripada Rasulullah SAW yang bermaksud *“puasa itu perisai, maka janganlah kamu mencela dan berkata-kata kotor, jika ada seseorang yang mahu mencelanya, katakanlah kepadanya : sesungguhnya aku ini berpuasa - dua kali -. Demi diriku yang berada di tanganNya, bahawasanya bau mulut orang yang berpuasa itu adalah lebih wangi di sisi Allah daripada bau kasturi, dia berpuasa dengan meninggalkan makanan, minuman dan nafsu syahwatnya semata-mata keranaKu. Ibadat puasa itu adalah untuk-Ku dan Akulah yang akan memberi balasan pahala kepadanya, dan setiap satu kebajikan itu akan dilipat gandakan dengan sepuluh kali ganda”*. (Hadith riwayat al-Bukhari).

Ibadat puasa bukan sekadar menahan diri daripada makan dan minum bahkan keseluruhan anggota badan dan pancaindera zahir dan batin dikehendaki turut berpuasa. Kesempurnaan berpuasa hanya akan diperolehi apabila seseorang itu berpuasa dari segi rohani dan jasmani, fizikal dan mental, akal dan minda secara serentak.

Di antara anggota zahir terpenting yang mesti dijaga ialah lidah dan mulut. Ini adalah kerana terdapat banyak hadith Nabi SAW yang menasihatkan agar lidah dan mulut dijaga dan dikawal dengan baik agar tidak terlanjur semasa berkata-kata. Hadith yang dinyatakan di atas menunjukkan betapa pentingnya menjaga pancaindera terutama lidah supaya pahala ibadah puasa tidak berkurangan.

Berdasarkan hadith ini, Nabi SAW telah menjelaskan bahawa ibadat puasa itu adalah perisai daripada api neraka dan apabila seseorang itu ingin dirinya terdinding daripada terkena serpihan api neraka, hendaklah dia menjaga lidahnya daripada perbuatan keji mencela, mengumpat, mengadu domba dan sebagainya semasa sedang berpuasa. Termasuk juga bahana lidah dan mulut yang boleh mengakibatkan puasa menjadi sia-sia ialah mengeluarkan bahasa kesat, sumpah seranah, berkata-kata lucah, mengherdik dan seumpamanya.

Dosa yang bermula daripada bahana mulut di bulan Ramadan boleh mengurangkan malah mungkin akan sampai ke tahap membatalkan pahala puasa. Ini merujuk kepada

hadith yang dikeluarkan oleh Imam al-Tirmizi, sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA maksudnya *“Sesiapa yang tidak dapat meninggalkan daripada berkata-kata sia-sia dan selalu beramal dengannya, maka tiada apa yang diharapkan oleh Allah walaupun ketika itu dia meninggalkan makan dan minumannya (berpuasa)”*.

Di dalam kitab Bahr al-Mazi yang menghimpunkan hadith-hadith yang dikeluarkan oleh Imam al-Tirmizi ada disebutkan tentang enam perkara yang boleh menjamin kesempurnaan puasa yang semuanya ini berkait rapat dengan anggota zahir dan batin manusia iaitu :

1. Memejamkan mata daripada membuat maksiat
2. Memelihara lidah daripada membuat maksiat
3. Menjauhkan telinga dari membuat maksiat
4. Menegahkan tangan dan kaki daripada membuat maksiat
5. Jangan terlalu banyak makan sewaktu berbuka puasa
6. Hati yang bergantung kepada Allah antara mengharap dan perasaan takut kepadaNya

Memelihara lidah adalah dengan menjauhi daripada berbohong, mengacum, berkata-kata kasar, memfitnah, berpura-pura, banyak ketawa, mencarut dan berbual-bual kosong. Malah bukan setakat ini sahaja kerana sebarang kerosakan yang berpunca daripada lidah dan mulut hendaklah dielakkan.

Sebagai langkah untuk mengelakkan daripada perlakuan yang tidak berfaedah yang bermula daripada kejahatan lidah ini, Islam telah menyarankan supaya seseorang itu mengambil langkah berdiam diri sahaja dan mengunci mulutnya bagi memastikan dosa lidah itu tidak terjadi. Kawallah lidah dari bercakap yang sia-sia, asal sahaja mahu bertutur, pastikan bahawa ia tidak akan membawa kepada mudarat terutamanya jika ia melibatkan hubungan dengan orang lain.

Orang yang berpuasa bukan sekadar dikehendaki menjaga mulutnya daripada berkata-kata kotor dan lucah serta melampau, malah dia dituntut juga mengawal mulutnya daripada membalas kejahatan mulut orang lain. Nabi SAW di dalam pendidikannya mengambil berat persoalan supaya tidak membalas kejahatan dengan kejahatan kerana ia tidak akan menyelesaikan sebarang permasalahan malah akan lebih memburukkan keadaan yang tidak akan ada kesudahannya.

Maksud hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA *“Jika ada orang yang berkata-kata kotor kepadanya, maka katakanlah kepada orang itu “bahawasanya aku ini berpuasa”*.

Hikmah Rasulullah SAW menyarankan demikian adalah untuk mengelakkan daripada perkelahian dan perbalahan antara dua pihak saudara seIslam di dalam bulan yang mulia ini bagi menjaga kesucian Ramadan.

Semoga kecemerlangan puasa yang dimulakan dengan niat suci itu terpelihara mulai dari sahur sehinggalah tiba waktu berbuka malah diteruskan sehingga ke malamnya dan begitulah seterusnya di sepanjang bulan Ramadan. Jangan pula ia hanya dipraktikkan di bulan puasa sahaja dan hendaklah kesinambungan itu berlaku di sepanjang hayat kehidupan seseorang manusia.